

KEFUNGSIAN KELUARGA DAN KESEJAHTERAAN PSIKOLOGI DALAM KALANGAN REMAJA LUAR BANDAR DI JERANTUT, PAHANG

Wan Izyan Husna Wan Mohd Bashar¹ & *Hon Kai Yee²

^{1,2}Fakulti Psikologi dan Kerja Sosial, Universiti Malaysia Sabah, 88400
Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia

*Corresponding email: husnabasharfypdegree@gmail.com

Received date: 3 April 2024; Accepted date: 21 Nov 2024

DOI: <https://doi.org/10.51200/sapj.v12i2.5016>

Abstrak: Kajian ini bertujuan untuk meneliti kefungsian keluarga dan kesejahteraan psikologi remaja luar bandar di Malaysia. Sejumlah 400 orang remaja dari Zon Pulau Tawar, Jerantut, Pahang telah terlibat sebagai responden. Para responden telah melengkapkan satu set soal selidik atas talian merangkumi Skala Kefungsian Keluarga Malaysia (SKK-M) dan Skala Kesejahteraan Psikologi untuk Kanak-Kanak (PWB-c). Majoriti responden adalah remaja berusia 12 tahun ($n = 143, 35.80\%$), perempuan ($n = 213; 53.30\%$), berbangsa Melayu ($n = 397, 99.30\%$), berlatarbelakangkan keluarga normal ($n = 353, 88.30\%$), mempunyai ibu bapa lulusan sekolah menengah (Ibu: $n = 261, 65.30\%$; Bapa: $n = 266, 66.50\%$) serta berasal daripada keluarga B40 iaitu keluarga yang mempunyai pendapatan isi rumah sebulan kurang RM3 900 ($n = 324, 81.00\%$). Dapatan deskriptif mendedahkan nilai min keseluruhan bagi kefungsian keluarga dalam kalangan responden adalah $M = 131.48$ ($SD = 12.383$) manakala $M = 64.14$ ($SD = 8.723$) bagi kesejahteraan psikologi. Analisis ujian- t sampel bebas melaporkan tahap kefungsian keluarga; $t(395.199) = 1.801, k > .05$ dan kesejahteraan psikologi; $t(396.548) = .285, k > .05$ dalam kalangan responden lelaki dan perempuan adalah tidak berbeza secara signifikan. Analisis Ujian Korelasi Pearson pula melaporkan terdapat hubungan positif yang signifikan antara kefungsian keluarga ($M = 131.48, SD = 12.383$) dan kesejahteraan psikologi ($M = 64.14, SD = 8.723$) dalam kalangan responden, $r(400) = .457, k < .001$. Pengaplikasian SKK-M dan PWB-c sebagai instrumen kajian diharapkan mempunyai implikasi dalam memahami kefungsian keluarga dan kesejahteraan psikologi remaja luar bandar di Malaysia.

Kata Kunci: Kefungsian Keluarga, Kesejahteraan Psikologi, Remaja 10-12 Tahun, Luar Bandar, Malaysia

This study aims to investigate the functioning of families and the psychological well-being of rural adolescents in Malaysia. A total of 400 adolescents from the Pulau Tawar Zone in Jerantut, Pahang participated as respondents. The respondents completed an online questionnaire comprising the Malaysian Family Functioning Scale (SKK-M) and the Psychological Well-being Scale for Children (PWB-c). The majority of respondents were 12 years old ($n = 143$, 35.80%), female ($n = 213$; 53.30%), of Malay ethnicity ($n = 397$, 99.30%), from everyday family backgrounds ($n = 353$, 88.30%), with parents who graduated from secondary school (Mother: $n = 261$, 65.30%; Father: $n = 266$, 66.50%), and originating from B40 families, which are families with a monthly household income of less than RM3,900 ($n = 324$, 81.00%). Descriptive findings revealed an overall mean score for family functioning among respondents of $M = 131.48$ ($SD = 12.383$), while the mean score for psychological well-being was $M = 64.14$ ($SD = 8.723$). Independent samples t -test analysis reported that the level of family functioning; $t(395.199) = 1.801$, $p > .05$, and psychological well-being; $t(396.548) = .285$, $p > .05$, among male and female respondents, was not significantly different. Pearson correlation analysis indicated a significant positive relationship between family functioning ($M = 131.48$, $SD = 12.383$) and psychological well-being ($M = 64.14$, $SD = 8.723$) among respondents, $r(400) = .457$, $p < .001$. The application of SKK-M and PWB-c as research instruments is expected to have implications for understanding family functioning and psychological well-being among rural adolescents in Malaysia.

Keywords: *Family Functioning, Psychological Well-being, Adolescents Aged 10-12 Years, Rural, Malaysia.*

PENGENALAN

Pada tahun 2019, terdapat seramai 166 juta orang remaja berusia 10-19 tahun di serata dunia dengan komposisi 89 juta orang remaja lelaki dan 77 juta orang remaja perempuan. Daripada jumlah tersebut, Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF) (2021, Oktober) telah melaporkan satu daripada tujuh remaja mengalami kecelaruan mental. Remaja Malaysia juga tidak terkecuali dalam anggaran tersebut. Seramai 424, 000 orang remaja Malaysia telah dilaporkan mengalami kecelaruan mental (Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS), 2019). Antara yang direkodkan sebagai kelompok berisiko adalah remaja perempuan, remaja luar bandar, berusia lingkungan 10-15 tahun, serta berlatarbelakangkan isi rumah pendapatan B40 (Institut Kesihatan Negara (NIH), 2020).

Fasa peralihan daripada zaman kanak-kanak kepada kedewasaan membuatkan golongan remaja melalui pertumbuhan dan perkembangan fizikal, kognitif

dan psikososial yang pantas sekaligus mempengaruhi emosi, pemikiran, pembuatan keputusan serta interaksi antara mereka dan dunia di sekeliling (Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), 2023, Oktober 11). Fasa tersebut bukan sahaja membuka ruang untuk pertumbuhan dan perkembangan yang menyeluruh malah mampu mempengaruhi kesejahteraan psikologi remaja. Hal ini berpunca daripada perubahan struktur perhubungan terutamanya melibatkan keluarga yang sangat berpengaruh dalam kehidupan seseorang remaja (Yang & Jiang, 2023).

Secara umumnya, kesejahteraan dikategorikan dalam dua pendekatan utama iaitu pendekatan hedonik dan eudaimonik. Namun begitu, kajian ini memfokuskan pendekatan eudaimonik dalam menyelidik tahap kesejahteraan remaja luar bandar. Pendekatan eudaimonik dapat difahami sebagai pendekatan kesejahteraan yang kurang menekankan pengalaman subjektif tetapi lebih terarah kepada pengalaman dan ciri-ciri individu yang mana dianggap penting untuk membolehkan seseorang insan meraih kesejahteraan dalam kehidupan (Butler, 2015, Jun). Maka, salah satu model kesejahteraan eudaimonik yang terkemuka dalam bidang psikologi iaitu Model Kesejahteraan Psikologi Ryff (1989) dapat digunakan dalam mendefinisikan kesejahteraan psikologi.

Berdasarkan Ryff (1989), kesejahteraan psikologi merangkumi enam dimensi yang komprehensif iaitu penguasaan persekitaran, perkembangan peribadi, matlamat hidup, penerimaan sendiri, autonomi, dan hubungan positif dengan individu lain. Meskipun begitu, pendefinisian dan pengukuran kesejahteraan psikologi berdasarkan perspektif dewasa tidak sesuai untuk diaplikasikan secara langsung terhadap golongan kanak-kanak dan remaja. Walau bagaimanapun, dengan merujuk Model Kesejahteraan Psikologi Ryff, Oprea *et al.* (2018) berjaya membuktikan bahawa kesejahteraan psikologi kanak-kanak dan remaja berusia 8 hingga 12 tahun turut merangkumi keenam-enam dimensi tersebut.

Bersesuaian dengan kesejahteraan psikologi kanak-kanak dan remaja, Oprea *et al.* (2018) menjelaskan kepada beberapa dimensi; (1) dimensi penguasaan persekitaran sebagai pembuatan keputusan tidak mustahak berkenaan kehidupan seharian, (2) dimensi perkembangan peribadi sebagai keterbukaan terhadap pengalaman baharu sama ada dari aspek persekitaran atau individu lain, (3) dimensi matlamat hidup sebagai pemilikan angan-angan tentang masa

depan, (4) dimensi penerimaan sendiri sebagai pegangan perasaan yang positif terhadap diri sendiri, (5) dimensi autonomi sebagai pembuatan keputusan secara berdikari atau aktif meminta pertolongan apabila dirasakan perlu manakala (6) dimensi hubungan positif dengan individu lain sebagai perhubungan semula jadi dengan ibu bapa dan rakan sebaya.

Seterusnya, keluarga merupakan persekitaran pertama dan mempunyai peranan penentuan dalam membimbing kanak-kanak bagi memenuhi pencapaian dalam pertumbuhan dan perkembangan yang seiring dengan peringkat usia. Melalui contoh teladan, keluarga terutamanya ibu bapa membentuk kehidupan kanak-kanak dari lahir sehinggalah kedewasaan (Mulyati & Martiasuti, 2019). Semasa awal keremajaan, meskipun remaja mula memperluas persekitaran sosial, memperoleh autonomi atau belajar berasingan daripada keluarga, mereka masih memerlukan hubungan kekeluargaan yang erat dan menyokong (Salgado *et al.*, 2021). Maka, keluarga yang berfungsi dengan baik amat berperanan dalam memberi sokongan, mengawasi, dan menyediakan keperluan yang secukupnya bagi pertumbuhan dan perkembangan positif sejak awal remaja.

Keluarga yang berfungsi dengan baik juga bukanlah sebuah keluarga yang sempurna, namun sekiranya mengalami sesuatu krisis, keluarga tersebut akan dapat kembali kepada kefungsian asal. Oleh sebab itu, dengan mengambil kira kolektivisme yang mana merupakan budaya dalam kalangan masyarakat Malaysia, Sumari *et al.* (2020) mendefinisikan keluarga yang berfungsi sebagai keluarga yang mempunyai (1) corak komunikasi dalam kalangan ahli keluarga melalui pengutaraan pendapat dan komunikasi lisan serta bukan lisan, (2) perhubungan erat dalam kalangan ahli keluarga (kohesi), (3) amalan peraturan dalam keluarga di samping (4) setiap ahli yang berperanan.

Beberapa pengkaji telah menyelidik hubungan antara kefungsian keluarga dan kesejahteraan psikologi dalam konteks Malaysia dengan menggunakan kaedah kajian yang berbeza. Dapatan kuantitatif oleh Desa *et al.* (2015) menunjukkan bahawa adanya hubungan yang signifikan antara kefungsian keluarga dan kemahiran keibubapaan serta kefungsian keluarga dan kesejahteraan psikologi. Analisis ujian-*t* pula mendedahkan wujudnya perbezaan kemahiran keibubapaan antara golongan ibu dengan bapa, tetapi tiada perbezaan dikenal pasti bagi kefungsian keluarga dan kesejahteraan psikologi antara kedua-dua golongan terbabit. Walau bagaimanapun, kajian

tersebut memfokuskan golongan ibu dan bapa sebagai sampel kajian maka tahap kefungsiian keluarga dan kesejahteraan psikologi dari perspektif anak terutamanya anak remaja tidak diteroka dengan lebih teliti.

Seterusnya, Othman *et al.* (2021) telah menyelidik hubungan antara kefungsiian keluarga dan kesejahteraan psikologi dalam kalangan remaja B40 melalui tinjauan literatur sistematik (SLR). Para pengkaji menyimpulkan bahawa keluarga yang berfungsi akan membantu dalam membentuk kesejahteraan psikologi yang positif bagi remaja B40 manakala keluarga yang tidak berfungsi akan menjejaskan kesejahteraan psikologi remaja B40 lantas mereka cenderung untuk mengalami masalah kesihatan mental. Selain itu, pengkaji mendapati bahawa kemiskinan memberi kesan kepada kefungsiian keluarga dalam kalangan remaja B40 kerana perhubungan ibu bapa dan anak remaja daripada keluarga yang miskin tidak mencukupi. Sokongan keluarga terhadap anak remaja juga menjadi rendah. Hal ini tercetus akibat tekanan hidup yang dialami oleh ibu bapa daripada keluarga yang miskin. Kajian tersebut berbentuk tinjauan literatur, maka data yang diperolehi hanya memfokuskan kefungsiian keluarga dan kesejahteraan psikologi dalam kalangan remaja B40.

Faktor kejiranan terbukti mempengaruhi status kesihatan mental remaja (Azhar *et al.*, 2018). Para pengkaji telah mendapati bahawa remaja yang tinggal dalam kawasan kejiranan dengan status sosioekonomi yang rendah lebih cenderung untuk mempunyai status kesihatan mental yang abnormal berbanding rakan sebaya mereka yang tinggal dalam kawasan kejiranan dengan status sosioekonomi yang tinggi. Di samping itu, para pengkaji tersebut melaporkan bahawa mempunyai ibu bapa yang telah bercerai (faktor keluarga) turut berhubung secara signifikan dengan status kesihatan mental yang abnormal dalam kalangan remaja. Meskipun begitu, kajian tersebut memfokuskan golongan remaja berusia 13 hingga 17 tahun sebagai sampel kajian maka sejauh mana faktor kejiranan dapat mempengaruhi status kesihatan mental dalam kalangan remaja berusia 10 hingga 12 tahun masih menjadi tanda tanya dan memerlukan kajian yang lebih lanjut.

Perhubungan yang baik dengan ahli keluarga terdekat terbukti memberi kesan terhadap kesejahteraan secara menyeluruh dalam kalangan belia Malaysia (Mohamed *et al.*, 2018). Walaupun begitu, masih kurang penumpuan diberikan terhadap pendekatan eudaimonik (kesejahteraan psikologi)

terutamanya melibatkan remaja berusia 10 hingga 12 tahun malah lebih terhad lagi kajian sedia ada yang menyelidik kefungisian keluarga dan kesejahteraan psikologi remaja dalam konteks luar bandar. Implikasi kajian berkaitan kefungisian keluarga dan kesejahteraan remaja di Malaysia wajar diteroka dengan lebih mendalam. Hal ini demikian kerana kesejahteraan remaja di Malaysia, khususnya kesejahteraan objektif dalam kalangan anak-anak miskin berusia 9 hingga 17 tahun yang menetap di Kuala Lumpur dan Kedah, dikenal pasti berada pada tahap yang memuaskan (Omar & Abu Bakar Ah, 2017). Para pengkaji terbabit turut menyeru usaha menyelenggara dan menambah baik keluarga-keluarga, institusi-institusi serta sistem-sistem yang menyediakan tempat tinggal dan perlindungan kepada kanak-kanak dan remaja demi menjamin tahap kesejahteraan yang baik bagi golongan tersebut yang masih tidak mampu memenuhi keperluan hidup secara berdikari. Bertepatan dengan itu, kajian ini melaksanakan penerokaan lebih lanjut terhadap kefungisian keluarga dan kesejahteraan psikologi dalam kalangan remaja luar bandar menerusi penggunaan alat kajian yang lebih bersesuaian dengan konteks Malaysia dan sampel kajian berusia 10 hingga 12 tahun bagi mengisi jurang penyelidikan sedia ada.

Kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk menyelidik kefungisian keluarga dan kesejahteraan psikologi dalam kalangan remaja luar bandar di Malaysia. Objektif spesifik kajian adalah untuk mengenal pasti tahap kefungisian keluarga (komunikasi, kohesi, peraturan, dan peranan) dan kesejahteraan psikologi dalam kalangan remaja di Zon Pulau Tawar, Jerantut, Pahang. Selain itu, untuk mengenal pasti perbezaan kefungisian keluarga (komunikasi, kohesi, peraturan, dan peranan) dan kesejahteraan psikologi dalam kalangan remaja lelaki dan perempuan di Zon Pulau Tawar, Jerantut, Pahang dan akhir sekali adalah untuk mengenal pasti hubungan antara kefungisian keluarga (komunikasi, kohesi, peraturan, dan peranan) dan kesejahteraan psikologi dalam kalangan remaja di Zon Pulau Tawar, Jerantut, Pahang.

Hipotesis Kajian

Kajian ini dilaksanakan bagi menentukan hipotesis nol yang berikut iaitu:

H₀₁: Tidak terdapat perbezaan kefungisian keluarga (komunikasi, kohesi, peraturan, dan peranan) dan kesejahteraan psikologi dalam kalangan remaja lelaki dan perempuan.

Ho2: Tidak terdapat hubungan antara kefungsian keluarga (komunikasi, kohesi, peraturan, dan peranan) dan kesejahteraan psikologi dalam kalangan remaja luar bandar.

Pendekatan Teori


Kajian ini mengaplikasikan Model Kesejahteraan Keluarga Newland (2015) dalam menyelidik kefungsian keluarga dan kesejahteraan psikologi dalam kalangan remaja luar bandar. Pengaplikasian model tersebut dihuraikan dengan memfokuskan remaja sebagai anak. Model tersebut menekankan perkaitan antara tiga konstruk penting iaitu 1) kesejahteraan keluarga, 2) kemahiran keibubapaan yang berkembang (*developmental parenting*) serta 3) kesejahteraan anak dengan faktor-faktor perantara, malah menggariskan empat strategi untuk diaplikasikan dalam membimbing keluarga-keluarga berisiko. Berdasarkan model tersebut, tiga komponen dalam konstruk kesejahteraan keluarga iaitu cukup diri dalam keluarga (*family self-sufficiency*), kesihatan fizikal dan mental ibu bapa serta daya tahan keluarga (*family resiliency*) adalah saling berkait. Hal ini menunjukkan bahawa tahap yang tinggi atau rendah dalam satu komponen akan mempengaruhi komponen yang lain sekaligus mempengaruhi keseluruhan konstruk.

Newland (2015) turut menyarankan pelaksanaan intervensi yang berkesan dengan mengambil kira ketiga-tiga komponen sebagai langkah untuk menambah baik kemahiran keibubapaan yang berkembang lantas secara tidak langsung menambah baik kesejahteraan anak (rujuk laluan anak panah lurus dalam Rajah 1). Seterusnya, konstruk kemahiran keibubapaan yang berkembang dapat difahami sebagai satu set kemahiran keibubapaan yang berkembang dan mudah disesuaikan dengan keperluan dan kemahiran anak yang sering berubah-ubah, selaras dengan pertumbuhan dan perkembangan yang pantas sejak fasa kanak-kanak hingga remaja. Konstruk tersebut merangkumi tujuh komponen penting iaitu kemesraan, tindak balas, galakan, pengajaran, penglibatan, disiplin yang positif, dan pengasuhan bersama (*coparenting*).

Model tersebut yang diperkenalkan oleh Newland (2015) juga mempamerkan perkaitan secara langsung yang mungkin terjadi antara kesejahteraan keluarga dan kesejahteraan anak (rujuk laluan anak panah melengkung dalam Rajah 1). Konstruk kesejahteraan anak merangkumi lima komponen penting iaitu kesihatan fizikal, kesihatan mental, pengaturan sendiri (*self-regulation*),

kecekapan sosial, dan kecekapan kognitif (*cognitive competence*). Tambahan pula, faktor-faktor perantara seperti demografi keluarga, faktor program sokongan, dan faktor ekologi patut diambil kira dan berperanan dalam menyederhanakan kekuatan perkaitan antara konstruk-konstruk (kesejahteraan keluarga dengan kesejahteraan anak; kemahiran keibubapaan yang berkembang dengan kesejahteraan anak). Akhirnya, empat strategi untuk diaplikasikan dalam membimbing keluarga-keluarga berisiko adalah intervensi di rumah, perkhidmatan klinikal, program sokongan pendidikan keibubapaan dan kekeluargaan serta tidak terkecuali pemantauan dan perkhidmatan berasaskan keperluan.

Rajah 1: Model Kesejahteraan Keluarga Newland (2015)



METODOLOGI

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini ialah kajian kuantitatif jenis tinjauan. Pemilihan reka bentuk ini adalah kerana kajian tinjauan membolehkan pengkaji menerangkan trend, tingkah laku atau pendapat populasi menggunakan pendekatan kuantitatif atau angka dengan menyelidik sampel dalam populasi (Creswell, 2009). Reka bentuk ini telah diaplikasikan dalam kajian juga disebabkan oleh beberapa kelebihan iaitu kajian tinjauan (1) lebih baik digunakan untuk mengkaji topik yang sensitif dan peribadi, (2) membolehkan responden menjawab mengikut keselesaan, (3) kurang memakan kos apabila melibatkan sampel yang besar,

(4) kurang memerlukan tenaga kerja untuk mengumpul data serta (5) sesuai untuk tinjauan menggunakan komputer dan secara atas talian (Nardi, 2018).

Sampel Kajian

Sejumlah 400 orang responden iaitu remaja dari enam buah sekolah rendah di Zon Pulau Tawar, Jerantut, Pahang telah menyertai kajian tinjauan ini. Keenam-enam buah sekolah rendah tersebut terletak dalam lingkungan Zon Pulau Tawar, Jerantut, Pahang. Pemilihan lokasi kajian adalah kerana daerah Jerantut merupakan daerah terbesar di negeri Pahang manakala Zon Pulau Tawar ialah satu-satunya zon yang mempunyai sekolah-sekolah rendah berkategori luar bandar; tiada sebuah pun sekolah dikategorikan sebagai sekolah bandar. Teknik pensampelan rawak mudah telah diaplikasikan dalam pemilihan keenam-enam buah sekolah rendah tersebut.

Para responden ialah remaja berusia 10 hingga 12 tahun. Pemilihan remaja dengan julat umur ini adalah kerana fasa peralihan daripada masa kanak-kanak kepada remaja membuatkan kelompok ini menghadapi jadual perkembangan yang ketara dalam pelbagai domain. Mereka mula memfokuskan interaksi sosial daripada keluarga kepada rakan sebaya, menyebabkan perubahan tingkah laku dan peningkatan pengambilan risiko. Pengawalan emosi mereka juga menjadi lebih kompleks lantas meningkatkan kemungkinan mengalami isu kesihatan mental seperti kegelisahan, kemurungan, dan kehabaan traumatik. Meskipun begitu, berbanding golongan bayi dan kanak-kanak, remaja awal kurang diberikan perhatian oleh penyedia perkhidmatan dan pembuat dasar dalam segenap bidang (Bulimwengu & Cartmel, 2022). Merujuk data Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Jerantut, populasi remaja berusia 10 hingga 12 tahun di Zon Pulau Tawar, Jerantut, Pahang adalah seramai 1255 orang. Saiz sampel dikira menggunakan formula Yamane (1973) yang mana merupakan formula ringkas dalam menentukan saiz sampel apabila saiz populasi diketahui (Levy & Lemeshow, 2013). Formula tersebut adalah seperti berikut:

Rajah 2: Formula Pengiraan Saiz Sampel Yamane (1973)

$$n = \frac{N}{(1 + Ne^2)}$$

Simbol n mewakili saiz sampel yang diperlukan, N mewakili saiz populasi yang diketahui manakala e mewakili margin ralat. Bertepatan dengan itu, sekurang-kurangnya 303 orang responden diperlukan untuk mengekalkan selang keyakinan sebanyak 95% dengan margin ralat sebanyak 5%.

Para remaja telah dipilih sebagai responden berdasarkan teknik pensampelan bukan kebarangkalian iaitu pensampelan bertujuan. Pensampelan bertujuan membolehkan pemilihan subjek yang menepati objektif kajian berdasarkan pertimbangan seorang pengkaji (Obilor, 2023). Remaja layak menyertai kajian sebagai responden sekiranya mereka merupakan remaja lelaki atau perempuan berusia 10 hingga 12 tahun, sedang menuntut pendidikan rendah Tahap Dua di sekolah luar bandar yang dipilih, mempunyai kemahiran membaca yang baik untuk melengkapkan set soal selidik atas talian serta dibenarkan ibu bapa/ penjaga untuk menyertai kajian. Remaja yang tidak menepati kesemua ciri-ciri kelayakan tersebut telah dikecualikan daripada menyertai kajian.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian ini ialah satu set soal selidik atas talian yang mempunyai tiga bahagian. Ketiga-tiga bahagian tersebut adalah seperti berikut:

Bahagian A: Maklumat Demografi Responden

Bahagian ini merangkumi ciri-ciri demografi responden: umur, jantina, dan bangsa.

Bahagian B: *Skala Kefungsian Keluarga Malaysia (SKK-M)*

Bahagian ini merangkumi 30 item daripada Skala Kefungsian Keluarga Malaysia (SKK-M) yang mana telah diaplikasikan untuk mengukur kefungsian keluarga responden dalam empat subskala iaitu komunikasi, kohesi, peraturan, dan peranan. Subskala komunikasi merangkumi 11 item, subskala kohesi merangkumi 7 item, subskala peraturan merangkumi 7 item manakala subskala peranan merangkumi 5 item. Setiap item telah diberikan skor berdasarkan skala *Likert 5-point* (1 = Sangat setuju, 2 = Setuju, 3 = Sedikit tidak bersetuju, 4 = Tidak setuju, 5 = Sangat tidak setuju). Skor bagi semua item (1-30) telah diterbalikkan sebelum dijumlahkan. Nilai pemisah bagi jumlah skor adalah 120-150 (keluarga berfungsi dengan baik), 90-119

(keluarga berfungsi secara sederhana), dan 30-89 (keluarga kurang berfungsi).
 Jadual 1 menunjukkan senarai item mengikut subskala.

Jadual 1: Senarai item mengikut subskala bagi SKK-M

Subskala	Nombor Item
Komunikasi	14, 17, 18, 19, 20, 21, 22, 24, 27, 28, dan 30
Kohesi	7, 8, 9, 10, 25, 26, dan 29
Peraturan	1, 2, 3, 4, 5, 6, dan 12
Peranan	11, 13, 15, 16, dan 23

Instrumen ini bersifat multidimensi, mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang baik serta mengandungi struktur faktor yang stabil dalam mengukur kefungsi keluarga bagi populasi Malaysia (Sumari et al., 2020).
 Jadual 2 menunjukkan nilai kebolehpercayaan mengikut subskala.

Jadual 2: Nilai kebolehpercayaan mengikut subskala bagi SKK-M

Subskala	Alfa Cronbach
Komunikasi	.97
Kohesi	0.96
Peraturan	0.96
Peranan	0.93

Bahagian C: Skala Kesejahteraan Psikologi untuk Kanak-Kanak (PWB-c)

Bahagian ini merangkumi 24 item daripada Skala Kesejahteraan Psikologi untuk Kanak-Kanak (PWB-c) yang mana telah diaplikasikan untuk mengukur enam dimensi kesejahteraan psikologi responden iaitu penguasaan persekitaran, perkembangan peribadi, matlamat hidup, penerimaan sendiri, autonomi, dan hubungan positif dengan individu lain. Dimensi penguasaan persekitaran merangkumi 4 item, dimensi perkembangan peribadi merangkumi 4 item, dimensi matlamat hidup merangkumi 3 item, dimensi penerimaan sendiri merangkumi 5 item, dimensi autonomi merangkumi 3 item, dan dimensi hubungan positif dengan individu lain merangkumi 5 item. Setiap item telah diberikan skor berdasarkan skala *Likert 4-point* yang mempunyai julat 1 ‘hampir tidak pernah’ hingga 4 ‘sangat kerap’. Hanya skor bagi item PWB-c24 telah diterbalikkan sebelum dijumlahkan. Jumlah skor yang tinggi menunjukkan tahap kesejahteraan psikologi yang baik. Jadual 3 menunjukkan senarai item mengikut dimensi.

Jadual 3: Senarai item mengikut dimensi bagi PWB-c

Dimensi	Nombor Item
Penguasaan Persekitaran	PWB-c1, PWB-c2, PWB-c3 & PWB-c4
Perkembangan Peribadi	PWB-c5, PWB-c6, PWB-c7 & PWB-c8
Matlamat Hidup	PWB-c9, PWB-c10 & PWB-c11
Penerimaan Kendiri	PWB-c12, PWB-c13, PWB-c14, PWB-c15 & PWB-c16
Autonomi	PWB-c17, PWB-c18 & PWB-c19
Hubungan Positif dengan Individu Lain	PWB-c20, PWB-c21, PWB-c22, PWB-c23 & PWB-c24

Instrumen ini mempunyai kebolehpercayaan *test-re test* dan kesahan konstruk yang baik serta lebih disyorkan dalam mengukur kesejahteraan psikologi kanak-kanak dan remaja berusia lingkungan 8 hingga 12 tahun disebabkan oleh ketekalan dalaman yang tinggi berbanding versi 6 item (Oprea *et al.*, 2018). Berdasarkan kajian itu, ketekalan dalaman diwakili oleh nilai Alfa Cronbach manakala kebolehpercayaan uji-ulang uji diwakili oleh nilai Pekali Korelasi Pearson. Jadual 4 menunjukkan nilai-nilai tersebut mengikut dimensi.

Jadual 4: Nilai ketekalan dalaman dan kebolehpercayaan mengikut dimensi bagi PWB-c

Dimensi	Alfa Cronbach	Pekali Korelasi Pearson
Penguasaan Persekitaran	.72	.61
Perkembangan Peribadi	0.78	0.62
Matlamat Hidup	0.71	0.58
Penerimaan Kendiri	0.90	0.65
Autonomi	0.44	0.46
Hubungan Positif dengan Individu Lain	0.54	0.60

Kajian Rintis

Seramai 32 orang remaja yang menepati ciri-ciri kelayakan responden kajian sebenar telah direkrut sebagai responden kajian rintis lalu mereka telah dikecualikan daripada menyertai kajian sebenar. Dapatan menunjukkan bahawa nilai Alfa Cronbach (α) bagi 30 item dalam Skala Kefungsian Keluarga Malaysia (SKK-M) adalah .94 manakala bagi 24 item dalam Skala Kesejahteraan Psikologi untuk Kanak-Kanak (PWB-c) adalah .85. Nilai-nilai tersebut menunjukkan bahawa kesemua item dalam kedua-dua skala sesuai diaplikasikan bagi pelaksanaan kajian sebenar.

Tatacara Kajian

Sebagai permulaan proses pengumpulan data, pengkaji telah berkongsi dua pautan *Google Forms* dengan wakil guru daripada sekolah-sekolah yang dipilih untuk diedarkan kepada para ibu bapa/ penjaga melalui aplikasi

WhatsApp. Dua pautan *Google Forms* tersebut ialah pautan *Google Forms* (1) merangkumi borang kebenaran remaja menyertai kajian, soal selidik demografi ibu bapa beserta maklumat lanjut berkenaan kajian untuk dilengkapkan oleh ibu bapa/ penjaga manakala pautan *Google Forms* (2) merangkumi set soal selidik atas talian untuk dilengkapkan oleh remaja. Para ibu bapa/ penjaga telah diingatkan untuk melengkapkan pautan *Google Forms* (1) terlebih dahulu. Hanya setelah ibu bapa/ penjaga membenarkan penyertaan remaja sebagai responden kajian, barulah remaja telah melengkapkan set soal selidik atas talian menerusi pautan *Google Forms* (2). Sesi menjawab soal selidik telah mengambil masa selama 15 hingga 20 minit.

KEPUTUSAN

Pengumpulan data kajian telah dilaksanakan selama tiga minggu berturut-turut; pada minggu kedua hingga minggu terakhir dalam bulan Disember 2023. Sebanyak 449 respon ibu bapa/ penjaga dan 419 respon remaja telah diterima. Namun demikian, sebanyak 49 respon ibu bapa/ penjaga dan 19 respon remaja telah ditolak. Hal ini tercetus kerana data dilabel sebagai data yang tidak lengkap. Oleh hal yang demikian, hanya 400 respon daripada kedua-dua golongan: ibu bapa/ penjaga dan remaja telah diterima sebagai data akhir untuk dianalisis.

Dapatan Deskriptif

Sejumlah 400 orang responden iaitu remaja lelaki dan perempuan berusia 10 hingga 12 tahun dari enam buah sekolah rendah di Zon Pulau Tawar, Jerantut, Pahang telah terlibat dalam kajian ini. Jadual 5 menunjukkan taburan responden mengikut ciri-ciri demografi.

Jadual 5 Taburan Responden Mengikut Ciri-Ciri Demografi

<i>N</i> = 400	Kekerapan (<i>n</i>)	Peratusan (%)
Umur		
10 tahun	140	35.00
11 tahun	117	29.30
12 tahun	143	35.80
Jantina		
Lelaki	187	46.80
Perempuan	213	53.30
Bangsa		

Melayu	397	99.30
India	2	0.50
Lain-Lain	1	0.30
Jenis Keluarga		
Keluarga normal	353	88.30
Keluarga yang melalui proses perceraian	20	5.00
Keluarga yang melalui proses perkahwinan semula	10	2.50
Keluarga yang mengamalkan poligami	2	0.50
Keluarga yang kematian ibu	2	0.50
Keluarga yang kematian bapa	12	3.00
Keluarga yang kematian ibu dan bapa	1	0.30
Tahap Pendidikan Ibu		
Kolej/ Universiti	94	23.50
Institusi Latihan Kemahiran	15	3.80
Sekolah Menengah	261	65.30
Sekolah Rendah	27	6.80
Tiada pendidikan formal	3	0.80
Tahap Pendidikan Bapa		
Kolej/ Universiti	60	15.00
Institusi Latihan Kemahiran	39	9.80
Sekolah Menengah	266	66.50
Sekolah Rendah	33	8.30
Tiada pendidikan formal	2	0.50
Pendapatan Isi Rumah Sebulan (RM)		
B40 (kurang RM3 900)	324	81.00
M40 (RM3 901 hingga RM7 599)	43	10.80
T20 (RM 7 600 dan ke atas)	33	8.30

Hasil analisis deskriptif mendedahkan bahawa nilai min keseluruhan bagi kefungsian keluarga dalam kalangan responden adalah $M = 131.48$ ($SD = 12.383$). Dapatan tersebut menunjukkan bahawa responden mempunyai tahap kefungsian keluarga yang tinggi sekaligus menunjukkan mereka mempunyai keluarga yang berfungsi dengan baik. Responden turut didapati mempunyai nilai min yang tertinggi bagi subskala komunikasi diikuti oleh subskala kohesi, peraturan, dan peranan. Jadual 6 menunjukkan tahap kefungsian keluarga responden berdasarkan nilai min dan sisihan piawai mengikut subskala.

Jadual 6: Tahap Kefungsian Keluarga Responden Mengikut Subskala

Subskala	Min (M)	Sisihan Piawai (SD)	Tahap
Komunikasi	47.64	5.104	Tinggi

Kohesi	31.19	3.092	Tinggi
Peraturan	31.17	2.903	Tinggi
Peranan	21.48	2.473	Tinggi

Hasil analisis deskriptif juga mendedahkan bahawa nilai min keseluruhan bagi kesejahteraan psikologi dalam kalangan responden adalah $M = 64.14$ ($SD = 8.723$). Dapatan tersebut membuktikan bahawa responden mempunyai tahap kesejahteraan psikologi yang sederhana tinggi sekaligus menandakan bahawa mereka mempunyai kesejahteraan psikologi yang baik. Responden turut didapati mempunyai nilai min yang tertinggi bagi dimensi penerimaan sendiri diikuti oleh dimensi hubungan positif dengan individu lain, perkembangan peribadi, penguasaan persekitaran, autonomi, dan matlamat hidup. Jadual 7 menunjukkan tahap kesejahteraan psikologi responden berdasarkan nilai min dan sisihan piawai mengikut dimensi.

Jadual 7: Tahap Kesejahteraan Psikologi Responden Mengikut Dimensi

Dimensi	Min (M)	Sisihan Piawai (SD)	Tahap
Penguasaan Persekitaran	9.65	2.093	Sederhana
Perkembangan Peribadi	11.05	2.282	Sederhana
Matlamat Hidup	7.82	2.015	Sederhana
Penerimaan Kendiri	14.72	3.162	Tinggi
Autonomi	8.56	1.662	Tinggi
Hubungan Positif dengan Individu Lain	12.34	1.634	Tinggi

Dapatan Inferensi

Hasil analisis ujian- t sampel bebas menunjukkan tahap kefungsiian keluarga dalam kalangan responden lelaki dan perempuan adalah tidak berbeza secara signifikan, $t(395.199) = 1.801$, $k > .05$. Hasil analisis ujian- t sampel bebas juga mempamerkan bahawa tahap kesejahteraan psikologi dalam kalangan responden lelaki dan perempuan adalah tidak berbeza secara signifikan, $t(396.548) = .285$, $k > .05$. Dengan itu, hipotesis nol [H_0 : Tidak terdapat perbezaan kefungsiian keluarga (komunikasi, kohesi, peraturan, dan peranan) dan kesejahteraan psikologi dalam kalangan remaja lelaki dan perempuan] telah diterima. Jadual 8 menunjukkan dapatan ujian- t sampel bebas terhadap kefungsiian keluarga dan kesejahteraan psikologi responden berdasarkan jantina.

Jadual 8: Dapatan Ujian- t Sampel Bebas terhadap Kefungsiian Keluarga dan Kesejahteraan Psikologi Responden Berdasarkan Jantina

Jantina	N	Min (M)	Sisihan Piawai (SD)	Ujian- t	Sig.
---------	-----	-------------	-------------------------	------------	------

Kefungsian Keluarga	Lelaki	187	132.66	12.041	1.801	.877
	Perempuan	213	130.44	12.613		
Kesejahteraan Psikologi	Lelaki	187	64.27	8.403	.285	.590
	Perempuan	213	64.02	9.013		

Hasil analisis Ujian Korelasi Pearson menunjukkan terdapat hubungan positif yang signifikan antara kefungsian keluarga ($M = 131.48$, $SD = 12.383$) dan kesejahteraan psikologi ($M = 64.14$, $SD = 8.723$) dalam kalangan responden, $r(400) = .457$, $k < .001$. Dapatan tersebut membuktikan bahawa apabila responden mempunyai tahap kefungsian keluarga yang tinggi maka responden tersebut juga akan mempunyai tahap kesejahteraan psikologi yang tinggi. Dengan itu, hipotesis nol [H_02 : Tidak terdapat hubungan antara kefungsian keluarga (komunikasi, kohesi, peraturan, dan peranan) dan kesejahteraan psikologi dalam kalangan remaja luar bandar] telah ditolak. Jadual 9 menunjukkan dapatan Korelasi Pearson antara kefungsian keluarga dan kesejahteraan psikologi responden.

Jadual 9: Dapatan Korelasi Pearson antara Kefungsian Keluarga dan Kesejahteraan Psikologi Responden

		Kefungsian Keluarga	Kesejahteraan Psikologi
Kefungsian Keluarga	Korelasi Pearson	1	.457**
	Sig. (2-tailed)		.001
	N	400	400
Kesejahteraan Psikologi	Korelasi Pearson	.457**	1
	Sig. (2-tailed)	.001	
	N	400	400

**Nilai korelasi signifikan $< .01$

PERBINCANGAN

Dapatan deskriptif telah menunjukkan bahawa remaja luar bandar mempunyai tahap kefungsian keluarga yang tinggi. Dapatan tersebut selaras dengan kajian lepas oleh Muniandy *et al.* (2022) yang melaporkan wujud tahap kefungsian keluarga yang tinggi dalam kalangan individu dewasa yang juga merupakan klien PUSPEN Papar, Sabah. Namun begitu, pengkaji lepas tidak melaporkan tahap kefungsian keluarga responden berdasarkan subskala secara spesifik. Oleh hal yang demikian, kajian ini telah mengambil peluang untuk melaporkan keempat-empat subskala dalam kefungsian keluarga iaitu komunikasi, kohesi, peraturan, dan peranan. Hasilnya, dapat diketahui bahawa remaja luar bandar mempunyai tahap kefungsian keluarga yang tertinggi dalam subskala komunikasi diikuti oleh subskala kohesi, peraturan, dan

peranan. Hal ini jelas menunjukkan pemilikan tahap yang tinggi dalam subskala komunikasi menandakan bahawa golongan remaja terbabit lebih cenderung ke arah corak komunikasi dalam kalangan ahli keluarga melalui pengutaraan pendapat dan komunikasi lisan serta bukan lisan (Sumari *et al.*, 2020). Ianya menunjukkan sekiranya sesebuah keluarga sering berkomunikasi sesama ahli bukan sahaja menyumbang kepada tahap kesejahteraan yang lebih tinggi khususnya kesejahteraan subjektif bagi golongan ibu malah kepada anak-anak dalam kalangan keluarga pinggir bandar dan luar bandar (Puspitawati *et al.*, 2020).

Tambahan pula, hasil perbandingan nilai min mengikut subskala, tahap kefungsi keluarga remaja luar bandar bagi subskala peranan telah didapati mempunyai nilai min yang terkecil. Walaupun begitu, nilai min tersebut masih berada pada tahap yang tinggi menandakan remaja luar bandar mempunyai ahli keluarga yang berperanan tetapi penambahbaikan akan peranan setiap ahli dalam sesebuah keluarga wajar diberikan perhatian. Hal ini demikian kerana ahli keluarga berperanan dalam membimbing remaja mengharungi perubahan kognitif, fizikal, dan emosi yang pesat terutamanya pada awal keremajaan iaitu satu fasa perkembangan yang mampu mencetuskan stres lantas menyumbang kepada kemerosotan kesejahteraan psikologi remaja khususnya bagi aspek kebahagiaan (Izzo *et al.*, 2020).

Dapatan deskriptif juga telah mendedahkan bahawa remaja luar bandar terbukti mempunyai tahap kesejahteraan psikologi yang sederhana tinggi. Dapatan tersebut mirip dengan dapatan lepas yang dilaporkan oleh Mansor *et al.* (2021). Menerusi dapatan Mansor *et al.* (2021) dapat diketahui bahawa dimensi perkembangan peribadi telah dilaporkan sebagai dimensi kesejahteraan psikologi yang mempunyai nilai min yang tertinggi dalam kalangan kanak-kanak di pedalaman Pulau Tioman manakala kajian ini telah mendapati nilai min yang tertinggi bagi dimensi kesejahteraan psikologi ialah dimensi penerimaan sendiri. Penerimaan sendiri ialah pegangan perasaan yang positif terhadap diri sendiri (Oprea *et al.*, 2018). Dapatan tersebut menandakan bahawa remaja luar bandar cenderung mempunyai perasaan yang positif terhadap diri mereka sendiri. Meskipun berhadapan dengan pelbagai cabaran, sebilangan besar remaja luar bandar jelas mempamerkan kesihatan emosi yang positif, dengan keluarga, rakan sebaya, warga sekolah, malah persekitaran tempat tinggal memainkan peranan yang penting terhadap kesejahteraan psikologi mereka (Wang *et al.*, 2018).

Pada masa yang sama, agak membimbangkan apabila telah diketahui bahawa remaja luar bandar mempunyai nilai min yang terendah bagi dimensi matlamat hidup iaitu pemilikan angan-angan tentang masa depan (Oprea *et al.*, 2018). Berdasarkan kajian lepas oleh Hendricks *et al.* (2015), terbukti adanya pembentukan aspirasi dan angan-angan tentang masa depan dalam kalangan remaja luar bandar bahkan juga golongan tersebut dapat mengenal pasti faktor individu (efikasi sendiri dan harga diri) dan keluarga (sokongan sosial) yang mampu memberi kesan positif dan negatif terhadap aspirasi dan angan-angan yang dimiliki. Hal ini menyebabkan pentingnya pemfokusan konteks sosiobudaya seperti keluarga, sekolah, dan komuniti setempat dalam membentuk aspirasi dan angan-angan tentang masa depan dalam kalangan remaja luar bandar demi pencapaian aspirasi dalam bidang pendidikan dan pekerjaan setelah mereka dewasa kelak (Sharp *et al.*, 2020).

Dapatan ujian-*t* sampel bebas telah mendedahkan bahawa tahap kefungsian keluarga dan kesejahteraan psikologi dalam kalangan remaja luar bandar berdasarkan jantina adalah tidak berbeza secara signifikan sekaligus menandakan bahawa remaja lelaki dan perempuan di luar bandar mempunyai persepsi yang sama terhadap kefungsian keluarga dan kesejahteraan psikologi mereka. Arshat & Japara (2018) juga telah melaporkan dapatan yang sama iaitu tidak ada perbezaan yang signifikan bagi kefungsian keluarga memfokuskan aspek penglibatan ibu bapa dan kesejahteraan psikologi dalam kalangan remaja lelaki dan perempuan. Di samping itu, persepsi yang sama terhadap kefungsian keluarga dan kesejahteraan psikologi dikenal pasti berlaku dalam kalangan para ibu dan bapa yang mana telah disimpulkan atas sebab kedua-dua aspek tersebut tidak melibatkan jantina yang berbeza (Desa *et al.*, 2015).

Akhir sekali, dapatan kajian ini telah menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara kefungsian keluarga dan kesejahteraan psikologi remaja luar bandar. Dapatan tersebut bertepatan dengan dapatan kajian lepas: Nwachukwu *et al.*, 2022; Phillips *et al.*, 2013. Nwachukwu *et al.* (2022) yang telah membuktikan kefungsian keluarga dan pekerjaan ibu sebagai faktor mempengaruhi kesejahteraan psikologi remaja luar bandar manakala faktor individu (seperti umur dan jantina) dan faktor keluarga (pendapatan isi rumah dan pekerjaan ibu bapa) telah dikemukakan oleh Phillips *et al.* (2013). Dapatan ini juga selaras dengan Model Kesejahteraan Keluarga Newland

(2015) yang mana menekankan perkaitan antara konstruk kesejahteraan keluarga, kemahiran keibubapaan yang berkembang (*developmental parenting*) serta kesejahteraan anak dengan faktor-faktor perantara (seperti demografi keluarga, faktor program, dan faktor ekologi). Oleh sebab itu, peneguhan perhubungan keluarga dan status sosioekonomi digalakkan dalam meningkatkan kesejahteraan psikologi remaja luar bandar (Nwachukwu *et al.*, 2022).

KESIMPULAN

Pengaplikasian Skala Kefungsian Keluarga Malaysia (SKK-M) dan Skala Kesejahteraan Psikologi untuk Kanak-Kanak (PWB-c) sebagai instrumen kajian untuk mengukur kefungsian keluarga dan kesejahteraan psikologi remaja diharapkan mempunyai implikasi dalam memahami kefungsian keluarga dan kesejahteraan psikologi remaja luar bandar di Malaysia sekaligus mewujudkan keperluan intervensi yang bersesuaian untuk golongan tersebut. Kefungsian keluarga dan kesejahteraan psikologi bagi remaja luar bandar dalam populasi Zon Pulau Tawar, Jerantut, Pahang terbukti berada pada tahap yang baik di samping adanya hubungan yang signifikan antara kedua-dua aspek tersebut. Dalam pada itu, remaja lelaki dan perempuan dalam sampel ini didapati mempunyai persepsi yang sama terhadap tahap kefungsian keluarga dan kesejahteraan psikologi mereka.

Penemuan penting ini memerlukan penyelidikan lebih lanjut. Justeru, implikasi penemuan ini wajar diberi pertimbangan bagi menyokong intervensi awal yang memfokuskan remaja dan keluarga di penempatan luar bandar dengan harapan dapat mencegah kemerosotan kesejahteraan psikologi golongan tersebut dari semasa ke semasa. Peranan dan kerjasama institusi kerajaan mahupun swasta menerusi pengenalan dasar dan pelaksanaan program turut diperlukan untuk mengukuhkan komuniti luar bandar demi melahirkan remaja luar bandar yang sejahtera dari segi psikologi. Konklusinya, dasar-dasar untuk mengurangkan impak tekanan yang dirasakan oleh isi rumah berpendapatan rendah patut diteliti semula melalui inisiatif bantuan sokongan dan perkhidmatan yang berpatutan, menyeluruh, mudah diakses serta tepat pada masanya terutama bagi remaja dan keluarga yang rendah tahap kesejahteraan psikologi mereka.

Pernyataan Persetujuan Termaklum

Para peserta memberikan persetujuan termaklum dengan bersetuju untuk menjadi responden pada bahagian pertama borang soal selidik atas talian.

Konflik Kepentingan

Tidak terdapat sebarang konflik kepentingan dilaporkan.

Pernyataan Etika

Kajian ini diluluskan oleh Fakulti Psikologi dan Pendidikan dengan mengikut garis panduan yang ditetapkan.

Sumbangan Pengarang

Wan Izyan merupakan penulis utama, dan Hon Kai Yee menilai serta menyumbang idea dalam penulisan artikel.

Dana

Tidak terdapat sebarang dana diterima untuk pelaksanaan kajian.

Penghargaan

Setinggi-tinggi penghargaan disampaikan kepada semua pihak yang terlibat dalam pelaksanaan kajian dan penerbitan penulisan ini.

Pernyataan Ketersediaan Data

Data dalam artikel ini tidak sulit dan sedia untuk dikongsi sekiranya perlu

RUJUKAN

- Arshat, Z., & Japara, R. (2018). Penglibatan ibu bapa, sokongan sosial dan kesejahteraan psikologi remaja. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 3(12), 37-45. <https://www.researchgate.net/publication/326146625>
- Azhar, Z. I., Zahir Izuan, A., Shamsul Azhar, S., Tan, M. K. S., & Syed-Sharizman, S. A. R. (2018). Neighbourhood influences and its association with the mental health of adolescents in Kuala Lumpur, Malaysia. *Asian Journal of Psychiatry*, 38, 35-41. Elsevier. <https://doi.org/10.1016/j.ajp.2018.10.018>
- Butler, C. (2015, Jun). *Family functioning and its relationship to adolescent mental health* [Degree of Doctor in Clinical Psychology (DClinPsy)'s thesis, Royal Holloway, University of London].

- Royal Holloway Research Portal.
https://pure.royalholloway.ac.uk/ws/portalfiles/portal/25391474/Carly_Butler_Family_Functioning_and_Adolescent_Mental_Health_9.9.15.pdf
- Bulimwengu, A. S., & Cartmel, J. (2022). The tween years: A systematic literature review for services for children aged 10–13 years. *Heliyon*, 8(1), e08822.
<https://doi.org/10.1016/j.heliyon.2022.e08822>
- Creswell, J. W. (2009). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed method approaches* (3rd ed.). Sage Publications, Inc.
- Desa, A., Yusoooff, F., Ahmad Zamani, Z., Abdul Kadir, N. B., & Mohamed Sani, M. N. (2015). Kemahiran keibubapaan, kefungsiian keluarga dan kesejahteraan psikologi dalam kalangan ibubapa. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 29(2), 32-42.
<https://spaj.ukm.my/ppppm/jpm/article/download/156/128>
- Hendricks, G., Savahl, S., Mathews, K., Raats, C., Jaffer, L., Matzdorff, A., Dekel, B., Larke, C., Magodyo, T., van Gesselleen, M., & Pedro, A. (2015). Influences on life aspirations among adolescents in a low-income community in Cape Town, South Africa. *Journal of Psychology in Africa*, 25(4), 320-326. Taylor & Francis Online.
<https://doi.org/10.1080/14330237.2015.1078089>
- Institut Kesihatan Negara. (2020). *National Health and Morbidity Survey (NHMS) 2019: Non-communicable diseases, healthcare demand, and health literacy — Key Findings*.
https://iku.gov.my/images/IKU/Document/REPORT/NHMS2019/Infographic_Booklet_NHMS_2019-English.pdf
- Izzo, F., Baiocco, R., & Pistella, J. (2020). Children’s and adolescents’ happiness and family functioning: A systematic literature review. *International Journal of Environmental Research and Public Health*, 19(24). MDPI. <https://doi.org/10.3390/ijerph192416593>
- Levy, P. S., & Lemeshow, S. (2013). *Sampling of populations: Methods and applications* (4th ed.). John Wiley & Sons.
- Mansor, S. M., Mydin Kutty, F., & Amat, S. (2021). Hubungan antara penghargaan sendiri dengan kesejahteraan psikologi dalam kalangan kanak-kanak di pedalaman Pulau Tioman. *Jurnal Dunia Pengurusan*, 3(1), 159-169.
<https://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpg/article/view/12550/6269>

- Mohamed, N. A., Silva, J. L. D., Samah, A. A., Shafril, H. A. M., & Dahalan, D. (2018). Exploring contributing factors on holistic well-being among Malaysian youth. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 8(3), 410–419. Human Resource Management Academic Research Society (HRMARS). <http://dx.doi.org/10.6007/IJARBS/v8-i3/3937>
- Mulyati, M., & Martiastuti, K. (2019). The relationship between family function and adolescent autonomy in the rural and urban area. *Journal of Family Sciences*, 3(1), 15-29. <https://doi.org/10.29244/jfs.3.1.15-29>
- Muniandy, Y., Ee, G. T., & Indang, J. (2022). Kefungsian keluarga dan pengherotan kognitif dalam kalangan klien di PUSPEN Papar, Sabah. *Jurnal Antidadah Malaysia*, 14(2), 47-59. <https://jurnal.adk.gov.my/wp-content/uploads/2023/02/Kefungsian-Keluarga-Dan-Pengherotan-Kognitif-Dalam-Kalangan-Klien-Di-PUSPEN-Papar-Sabah.pdf>
- Nardi, P. M. (2018). *Doing survey research: A guide to quantitative methods* (4th ed.). Routledge.
- Newland, L. A. (2015). Family well-being, parenting, and child well-being: Pathways to healthy adjustment. *Clinical Psychologist*, 19(1), 3–14. Australian Psychological Society. <https://doi.org/10.1111/cp.12059>
- Nwachukwu, C. E., Akingbade, A. E., & Olufunmilayo, E. O. (2022). Family characteristics and mental health status of secondary school students in a rural community in Southwest Nigeria. *International Journal of Mental Health and Addiction*, 20, 1325–1335. SpringerLink. <https://doi.org/10.1007/s11469-020-00446-2>
- Omar, N., & Abu Bakar Ah, S. H. (2017). Poor children in Malaysia: Their index of objective well-being. *Southeast Asia: A Multidisciplinary Journal*, 17, 8-21. <https://fass.ubd.edu.bn/SEA/vol17/SEA-v17-Noralina.pdf>
- Opree, S. J., Buijzen, M., & Van Reijmersdal, E. A. (2018). Development and validation of the psychological well-being scale for children (PWB-c). *Societies*, 8(1). MDPI (Multidisciplinary Digital Publishing Institute). <https://doi.org/10.3390/soc8010018>
- Othman, W.N.W., Zainudin, Z.N., Yusof, Y.M., & CheAmat, M.A. (2021). Family functioning and psychological well-being among

- B40 adolescents: A systematic review. *Turkish Online Journal of Qualitative Inquiry (TOJQI)*, 12(4), 747-770. <https://www.tojqi.net/index.php/journal/article/view/1251/591>
- Pertubuhan Kesehatan Sedunia. (2023, Oktober 11). *Adolescent health*. https://www.who.int/health-topics/adolescent-health#tab=tab_1
- Phillips, T. M., Randall, B. A., Peterson, D. J., Wilmoth, J. D., & Pickering, L. E. (2013). Personal problems among rural youth and their relation to psychosocial well-being. *The Journal of Extension*, 51(3). <https://doi.org/10.34068/joe.51.03.27>
- Puspitawati, H., Sarma, M., Herawati, T., Noor Yulianti, L., & Azizah, Y. (2020). Model of family subjective well-being in rural and sub urban families. *Jurnal Ilmu Keluarga dan Konsumen*, 13(2), 99-111. ResearchGate. <http://dx.doi.org/10.24156/jikk.2020.13.2.99>
- Ryff, C. D. (1989). Happiness is everything, or is it? Explorations on the meaning of psychological well-being. *Journal of Personality and Social Psychology*, 57(6), 1069–1081. <https://psycnet.apa.org/doi/10.1037/0022-3514.57.6.1069>
- Salgado, M., González, L., & Yáñez, A. (2021). Parental involvement and life satisfaction in early adolescence. *Frontiers in Psychology*, 12. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2021.628720>
- Sharp, E. H., Seaman, J., & Tucker, C. J. (2020). Adolescents' future aspirations and expectations in the context of a shifting rural economy. *Journal of Youth and Adolescence*, 49, 534–548. SpringerLink. <https://doi.org/10.1007/s10964-019-01152-6>
- Sumari, M., Md Khalid, N., Zulnaidi, H., Ibrahim, N. H., Baharudin, D. F., & Ahmed Tharbe, I. H. (2020). Development of a Malaysian Family Functioning Scale (MFFS). *Journal of Family Social Work*, 24(1), 22-42. Taylor & Francis Online. <https://doi.org/10.1080/10522158.2020.1770145>
- Wang, D., Hagedorn, A. D., McLaughlin, D. K., & Bray, B. C. (2018). Change and stability of emotional health of rural Pennsylvania youth during high school. *The Journal of Rural Health*, 34(3), 322-332. WILEY Online Library. <https://doi.org/10.1111/jrh.12296>
- Yamane, T. (1973). *Statistics: An introductory analysis* (3rd ed.). Harper and Row.
- Yang, Y., & Jiang, J. (2023). Influence of family structure on adolescent deviant behavior and depression: The mediation roles of parental monitoring and school connectedness. *Public Health*, 217, 1-6.

Science

Direct.

<https://doi->

[org.ezproxy.ums.edu.my/10.1016/j.puhe.2023.01.013](https://doi-org.ezproxy.ums.edu.my/10.1016/j.puhe.2023.01.013)